

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KE-13 (2016)

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : YB PUAN KASTHURIRAANI A/P PATTO
[BATU KAWAN]

SOALAN :

YB Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan] minta PERDANA MENTERI menyatakan:-

- (a) apakah data terbuka atau “*open data*” yang kini dapat diakses dan bagaimana ianya dipantau; dan
- (b) jika akses ditentukan atau dikawal oleh pelbagai tahap kebenaran (*permission level*) mengapa ianya masih dikategorikan sebagai data terbuka.

JAWAPAN: YB DATUK JOSEPH ENTULU BELAUN
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

- a) Definisi data terbuka atau ‘*open data*’ adalah data yang boleh digunakan secara bebas, boleh digunakan semula dan dikongsi oleh sesiapa sahaja. Data Kerajaan yang dibuka kepada rakyat adalah data yang sememangnya boleh dikongsi kepada umum dan bukan

bersifat data peribadi atau diklasifikasikan sebagai Data Terperingkat seperti Sulit atau Rahsia. Data tersebut boleh diakses melalui portal Data Terbuka Malaysia di alamat data.gov.my semenjak tahun 2014.

b) Rakyat bebas mengakses data terbuka tersebut tanpa perlu mendapatkan kebenaran terlebih dahulu daripada kerajaan kerana ianya disediakan untuk dikongsi dan dimanfaatkan serta menepati definisi data terbuka.

Sekian, terima kasih.

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN BERTULIS : **PUAN KASTHURIRAANI A/P PATTO [**
DARIPADA **BATU KAWAN]**

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan senarai peruntukan pembangunan dan infrastruktur secara terperinci bagi semua sekolah-sekolah Tamil, Cina dan sekolah Mubaligh dari tahun 2008 hingga 2016 mengikut pecahan negeri.

JAWAPAN

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Penyaluran peruntukkan kepada Sekolah-sekolah Bantuan Kerajaan (SBK) iaitu Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC), Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) dan Sekolah Mubaligh seluruh negara diturunkan berdasarkan skop kerja untuk pembinaan, pembaikan, penyelenggaraan, naik taraf, pendawaian elektrik, rawatan anai-anai dan sebagainya.

Peruntukan bagi SJKC secara keseluruhan dari tahun 2008 hingga 2015 adalah sebanyak RM409,982,872.00, Sekolah Mubaligh sebanyak RM323,140,989.00 dan SJKT sebanyak RM144,478,073.00.

Untuk makluman jua, bagi tahun 2016, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) belum menerima peruntukan untuk SBK.

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN BERTULIS : **TUAN ZAIRIL KHIR JOHARI [BUKIT DARIPADA BENDERA]**

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Tuan Zairil Khir Johari [Bukit Bendera] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan jumlah yang diperuntukkan untuk sekolah Tamil bagi tahun 2015, berapa banyak yang telah dibelanjakan dan di sekolah-sekolah mana.

JAWAPAN

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Jumlah peruntukan pembangunan melalui Pakej Rancangan Khas (PRK) kepada SJKT Bantuan Kerajaan seluruh negara pada tahun 2015 adalah seperti berikut :

Bil	Negeri	Jumlah Peruntukan (RM)
1	Johor	6,740,000.00
2	Melaka	2,290,000.00
3	Negeri Sembilan	4,540,000.00
4	Selangor	9,900,000.00
5	W.P. Kuala Lumpur	1,250,000.00
6	Perak	9,325,000.00
7	Kedah	5,530,000.00
8	Pulau Pinang	5,475,000.00
9	Perlis	0.00
10	Kelantan	0.00
11	Terengganu	0.00
12	Pahang	4,950,000.00
13	Sarawak	0.00
14	Sabah	0.00
15	W.P. Labuan	0.00
JUMLAH BESAR		50,000,000.00